

PERSIMPANGAN BERTINGKAT PELABUHAN KUANTAN DI LPT2 DIBUKA, PACU MOBILITI SETEMPAT

Petaling Jaya, 4 September 2026: Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) mula beroperasi hari ini dan dijangka dapat meningkatkan mobiliti setempat serta menyokong aktiviti ekonomi di sekitar Balok, Gebeng dan kawasan perindustrian berdekatan.

Persimpangan di KM264 yang terletak di antara Plaza Tol Jabor dan Plaza Tol Cheneh itu dibuka kepada pengguna lebuhraya bermula jam 6.00 pagi tadi dan turut menghubungkan LPT2 dengan Jalan Persekutuan FT3 Kuantan-Kemaman.

Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan ini telah dibangunkan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur merupakan persimpangan bertingkat yang ke-11 di LPT2 dan merupakan plaza tol LPT2 yang pertama di negeri Pahang. Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) dikendalikan oleh LPT2 Sdn Bhd, yang merupakan anak syarikat PLUS Malaysia Berhad.

Bagi pengguna dari arah Terengganu atau Kuala Lumpur yang menghala ke Beserah, Balok, Gebeng, Cherating dan kawasan perindustrian sekitarnya, laluan menerusi Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan ini dijangka menjimatkan masa sehingga 30 minit. Laluan ini juga dijangka membantu menyuraikan trafik di jalan persekutuan serta mengurangkan pertembungan trafik jarak jauh dengan trafik tempatan di kawasan penempatan, sekolah, premis perniagaan dan kemudahan awam.

"Pada masa sama, pembukaan persimpangan baharu ini menyediakan akses yang lebih mudah dan terus ke Pelabuhan Kuantan, Kuantan Port City, Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) dan kawasan perindustrian berhampiran. Bagi penduduk setempat, persimpangan ini membuka ruang pertumbuhan ekonomi baharu dan merangsang aktiviti perniagaan tempatan, yang secara tidak langsung membantu mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dalam sektor logistik, perindustrian dan perkhidmatan," kata Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Pengarah Eksekutif LPT2 Sdn Bhd merangkap Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad.

Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan merupakan infrastruktur strategik yang akan menyokong pertumbuhan jangka panjang Pelabuhan Kuantan dan MCKIP dengan menyediakan akses yang lebih cekap kepada rangkaian LPT2. Kemudahan ini dijangka dapat memudahkan cara keperluan mobiliti masa hadapan sejajar dengan pembangunan kawasan tersebut.

Berdasarkan dapatan Kajian Penilaian Impak Trafik (TIA), pelan pembangunan di sekitar Pelabuhan Kuantan dan MCKIP berpotensi menjana lebih 20,000 kenderaan sehari apabila direalisasikan sepenuhnya. Sebahagian besar daripada trafik ini akan menggunakan rangkaian LPT2 melalui Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan, bergantung kepada tahap pembangunan serta aktiviti ekonomi pada masa hadapan.

Persimpangan ini mempunyai plaza tol tujuh lorong yang terdiri daripada tiga lorong masuk dan empat lorong keluar, serta dilengkapi dengan kemudahan awam seperti tandas, surau, wakaf dan kawasan meletak kenderaan untuk keselesaan pengguna.

Majlis Pembukaan Rasmi Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Kuantan telah disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail, pada 3 September.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan; Timbalan Menteri Ekonomi, YB Dato' Sri Mohd Shahar Abdullah; Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Ir. Mohd Hadzmir Yusoff; Pengerusi PLUS Malaysia Berhad (PLUS), Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif; Pengarah Eksekutif LPT2 Sdn Bhd, Datuk Nik Airina Nik Jaffar; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Syamsul Farizz Nadzeri serta barisan pengurusan kanan Kerajaan Negeri Pahang, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Ekonomi, Lembaga Lebuhraya Malaysia, LPT2 dan PLUS.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Nadirah H. Rodzi

Perhubungan Media, Komunikasi Strategik
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 019-343 2120
Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my

Rofina Adam

Perhubungan Media, Komunikasi Strategik
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 012-657 4452
Emel: rofina@plus.com.my